

PEMBANGUNAN KitAB CERDAS UNTUK KEMAHIRAN BACAAN AWAL DALAM KALANGAN KANAK-KANAK TASKA

Rashidah binti Elias, PhD.

rashidah@ipgm.edu.my

Jabatan Ilmu Pendidikan

Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan membangunkan kit bacaan awal kanak-kanak yang dinamakan KitAB Cerdas bagi membantu kanak-kanak menguasai kemahiran bacaan awal. Kajian dijalankan menggunakan rekabentuk kualitatif berteraskan kepada pembangunan kit berdasarkan Model ADDIE dan berasaskan kepada Teori Kecerdasan Pelbagai. Data yang diperoleh daripada pelbagai sasaran iaitu 20 orang pendidik TASKA, 37 orang ibu bapa kanak-kanak dan 159 orang kanak-kanak TASKA digunakan untuk proses pembangunan KitAB Cerdas berdasarkan langkah-langkah dalam Model ADDIE. Data dianalisis menggunakan Statistical Package for the Social Science (SPSS) melalui statistik deskriptif dan dihuraikan secara naratif. Ujian kebolehlaksanaan KitAB Cerdas menunjukkan bahawa pendidik dapat menggunakan KitAB Cerdas untuk membantu kanak-kanak TASKA memperoleh kemahiran bacaan awal. KitAB Cerdas yang dibangunkan dapat memberi impak kepada bidang pendidikan awal kanak-kanak dari aspek kemahiran bahasa yang menghusus kepada kemahiran *membaca*.

Kata kunci: KitAB Cerdas, bacaan awal, kemahiran membaca, Model ADDIE

PENGENALAN

Membaca merupakan kemahiran asas yang mempengaruhi setiap aspek dalam pembelajaran kanak-kanak, bermula daripada umur awal sehingga ke sekolah menengah. Definisi membaca bukanlah semata-mata merupakan satu bentuk pendekodan (mengetahui dan menyebut perkataan) terhadap kandungan bahan bercetak, tetapi juga satu proses pembentukan dan pemberian makna oleh pembaca ke atas bahan yang dibaca. Aktiviti membaca dan memberi makna merupakan satu proses yang konstruktif dan dinamik, dan saling bantu membantu antara satu sama lain (Adenan, 2017). Sementara itu, menurut Nining (2017) membaca merupakan suatu kegiatan untuk mendapatkan pengetahuan dan informasi. Oleh yang demikian, kita dapat melihat bahawa pembacaan merupakan satu proses interaksi secara langsung antara pembaca dengan bahan bacaan dan komunikasi secara tidak langsung antara pembaca dengan penulisnya. Membaca merupakan proses dalaman mental, yang berlaku secara bersepadu antara pemikiran, perasaan dan persepsi pembaca terhadap bahan bacaan.

Kepentingan penguasaan kemahiran membaca sukar disangkal. Kajian telah membuktikan bahawa penguasaan kemahiran membaca menjadi jambatan untuk kanak-kanak menggarap ilmu, pembelajaran dan pengalaman baharu (Adenan, 2017; Nining, 2017; Rashidah, 2017). Kanak-kanak yang tidak bermotivasi untuk membaca boleh menghadapi masalah dalam mata pelajaran lain, selain daripada membaca (Boulhrir, 2017). Masalah dalam penguasaan membaca akan berterusan apabila kanak-kanak meneruskan pendidikan mereka ke persekolahan formal seperti yang dilaporkan oleh Hornery, Seaton, Tracey, Craven, dan Yeung (2014), malahan boleh berlanjutan sehingga ke sekolah menengah. Keperluan menguasai kemahiran membaca tidak dapat dinafikan sesuai dengan petikan daripada Kitab Al-Quran dalam Surah Al-Alaq yang bermaksud:

“Bacalah (wahai Muhamad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk). Ia menciptakan manusia daripada segumpal darah. Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah. Yang mengajarkan manusia melalui pena dan tulisan. Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.”

(Surah al-Alaq: 1 – 5)

Minat kanak-kanak terhadap pembelajaran bacaan awal boleh dirangsang dengan menggunakan pelbagai media. Selain menarik minat kanak-kanak, rangsangan yang pelbagai dapat meningkatkan pengamatan mereka seperti objek yang bersaiz besar, perubahan situasi, kekuatan bunyi dan warna, muzik dan pergerakan (Hasnah & Habibah, 2010). Kepelbagaian rangsangan daripada persekitaran ini seterusnya akan meningkatkan kecerdasan pelbagai

kanak-kanak. Seperti yang dinyatakan oleh Gardner (1983) melalui Teori Pelbagai Kecerdasan, manusia sedia mempunyai lapan jenis kecerdasan dalam diri mereka iaitu kecerdasan verbal-linguistik, muzik, kinestetik, logik-matematik, spatial, interpersonal, intrapersonal dan naturalis. Oleh itu pendidik awal kanak-kanak perlu memanipulasi minat dan lumrah kanak-kanak dengan mempelbagaikan media pembelajaran untuk membantu mereka menguasai kemahiran literasi dan bacaan awal. Selain daripada itu, pendidik awal kanak-kanak juga perlu merangsang kecerdasan pelbagai dalam diri kanak-kanak pada masa yang sama.

PERNYATAAN MASALAH

Isu penguasaan kemahiran membaca bukan satu isu baharu, namun masih menjadi isu sejagat hingga ke hari ini. Kamisah (2011) dalam kajiannya telah mengesan masalah membaca yang berlaku di Kulai, Johor di mana murid yang memasuki tahun satu persekolahan masih tidak dapat membaca. Dapatan kajian Abdul Rasid (2011) pula menunjukkan murid tahun empat dan tahun lima masih tidak dapat membaca dengan lancar. Begitu juga Kementerian Pelajaran Malaysia (2012) telah mengesan seramai 40,121 orang murid di seluruh Malaysia dan 1,700 orang murid tahun 1 di Terengganu masih tidak dapat membaca. Malahan di Brunei juga berlaku masalah sama di mana Tamam, Zamri dan Afendi (2011) melalui kajian mereka mendapati masalah membaca yang berlaku pada murid darjah enam yang dikaji adalah disebabkan oleh pelbagai faktor, antaranya faktor kaedah pengajaran guru, faktor persekitaran, dan buku teks bacaan yang digunakan. Kajian oleh Wan Nurzuliana (2019) juga memperlihatkan masalah penguasaan membaca masih berlaku dalam kalangan murid berusia 14 tahun di Malaysia.

Sehingga kini masalah membaca masih wujud dalam kalangan murid sekolah rendah di pelbagai lokasi. Nur Shakirah dan Muhammad Saiful Haq (2017) yang menjalankan kajian di bahagian utara Semenanjung Malaysia mendapati 38 daripada 103 murid tahun satu yang dikaji mempunyai masalah membaca. Kajian oleh Yueh Wei, Lambri, & Kiting (2020) di Sarawak pula mendapati masalah membaca yang berlaku adalah dari aspek membunyikan huruf-huruf tertentu, kurang menguasai asas bacaan dengan baik dan tidak memahami petikan ayat yang diberikan. Oleh yang demikian perkara ini tidak boleh diambil mudah kerana masalah membaca boleh memberi kesan gagal dalam peperiksaan, menjejaskan pembelajaran subjek lain, kesukaran menghadapi peperiksaan, gangguan psikologi dan menjejaskan kedudukan nombor di dalam kelas. Jika bantuan dan bimbingan dapat dilaksanakan lebih awal, masalah yang dinyatakan ini pasti dapat dikurangkan. Antara tindakan yang perlu dilakukan adalah membangunkan bahan bantu pembelajaran bacaan awal untuk kanak-kanak.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan utama kajian ini adalah membangunkan satu kit bantuan untuk bacaan awal kanak-kanak TASKA. Secara spesifik, objektif kajian adalah:

1. Menentukan sama ada terdapat keperluan untuk pembangunan kit pembelajaran bacaan awal untuk kanak-kanak.
2. Membangunkan kit pembelajaran bacaan awal untuk kanak-kanak TASKA.

SOALAN KAJIAN

Berdasarkan objektif kajian, soalan kajian yang dibentuk adalah:

1. Adakah terdapat keperluan untuk pembangunan kit pembelajaran bacaan awal untuk kanak-kanak.?
2. Bagaimanakah kit pembelajaran bacaan awal untuk kanak-kanak TASKA dibangunkan?

TINJAUAN LITERATUR

Teori dan Model Kajian

Teori yang mendasari kajian ini adalah Teori Kecerdasan Pelbagai dan Model Pembangunan ADDIE dipilih dalam membangunkan KitAB Cerdas.

(i) Teori Kecerdasan Pelbagai

Teori Kecerdasan Pelbagai Gardner (1983) membuka banyak dimensi baru terhadap kecerdasan manusia. Walaupun selepas teori ini banyak teori baru dicadangkan untuk menyatakan kecerdasan manusia, teori ini menjadi asas kepada rangsangan perkembangan bersepadu dalam diri kanak-kanak. Teori ini dipilih kerana kecerdasan dalam diri kanak-kanak perlu dirangsang secara holistik dan bersepadu seperti tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001) dan kurikulum pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia (Jabatan Perdana Menteri, 2013; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017) walaupun fokus pembelajaran dalam kajian ini adalah menguasai bacaan awal. Ini supaya pembelajaran kanak-kanak memenuhi ABP, lumrah, minat dan kecenderungan kanak-kanak (National Association for the Education of Young Children, 1998; National Association for the Education of Young Children, 2009; Jabatan Perdana Menteri, 2013).

Gardner (1983) mencadangkan lapan kecerdasan yang sedia ada dalam diri manusia tetapi berbeza kecekapannya dari aspek keseimbangan dalam diri individu dan dari seorang individu kepada individu yang lain. Lapan kecerdasan tersebut merangkumi kecerdasan verbal-linguistik, kecerdasan visual-ruang, kecerdasan muzik, kecerdasan kinestetik, kecerdasan interpersonal, kecerdasan intrapersonal, kecerdasan logik-matematik dan kecerdasan naturalis. Walaupun Gardner telah menambah elemen kecerdasan manusia kepada sembilan iaitu kecerdasan spiritual (Gardner, 2006), namun teori asal masih digunakan kerana kajian ini berfokus kepada pembangunan produk yang tiada perkaitan secara langsung dengan elemen spiritual.


(ii) Model ADDIE

Pembangunan bahan pengajaran dan pembelajaran (PdP) memerlukan suatu model reka bentuk pembangunan bahan yang sistematik. Hal ini bagi memastikan bahan yang dibangunkan bermutu dan sesuai untuk digunakan ke atas kumpulan sasaran. Model ADDIE merupakan satu model generik seperti yang dinyatakan oleh Molenda (2003) dan selari dengan kenyataan oleh Salas (2020). Perkataan ADDIE mewakili *Analysis, Design, Development, Implementation, dan Evaluation*. Model ADDIE dipilih kerana ia mencakupi skop yang luas. Model ADDIE tidak terhad kepada reka bentuk sesi PdP, kurikulum atau kursus tetapi juga sesuai untuk pembangunan alat-alat atau bahan-bahan pengajaran seperti alat bantu mengajar, nota, slaid power point, laman web atau simulasi (Simmon, 2011; Wang, 2011).

Model ADDIE telah digambarkan secara grafik dengan pelbagai cara. Terdapat pengkaji yang menggambarkan proses dalam Model ADDIE sebagai satu aliran proses kerja (Wang, 2011) seperti dalam Rajah 1. Sementara itu, Branch (2009) pula telah mengemukakan Model ADDIE dalam bentuk kitaran seperti dalam Rajah 2.



Rajah 1. Model ADDIE berbentuk aliran proses (Wang, 2011).



Rajah **Error! No text of specified style in document.**2. Model ADDIE berbentuk kitaran proses (Branch, 2009)

KESEDIAAN MEMBACA KANAK-KANAK

Terdapat perbincangan tentang umur yang sesuai untuk mengajar kanak-kanak mula membaca. Umur tiga hingga lima tahun dikatakan merupakan waktu kanak-kanak cukup bersedia untuk terlibat secara langsung dengan literasi awal iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis (Beaty dan Pratt, 2014). Mahzan (2012) menyatakan kesediaan membaca kanak-kanak bergantung kepada peluang yang diberikan kepada mereka, antara umur dua hingga empat tahun kerana pada umur tersebut kanak-kanak telah berupaya menggunakan deria penglihatan dan pendengaran, telah mula berkomunikasi dengan bahasa lisan dan dapat bersosial dengan kanak-kanak lain serta orang dewasa. Namun jika kesemua elemen itu terhalang, maka kesediaan membaca kanak-kanak juga akan menjadi lebih lambat.

Berdasarkan standard yang dikeluarkan oleh *National Association for the Education of Young Children* (1998), lingkungan pembelajaran membaca awal kanak-kanak yang melibatkan dua fasa kesediaan membaca merangkumi fasa

kesedaran dan penjelajahan dan fasa percubaan untuk membaca. Dalam fasa pertama, iaitu pada peringkat umur antara satu hingga dua tahun, kanak-kanak cuba memahami simbol daripada persekitaran. Mereka akan cuba mengenal pasti label dan papan tanda di persekitaran mereka walaupun belum tahu membaca. Apabila sudah pandai bercakap, mereka akan mula bertanya tentang apa sahaja yang dilihat di persekitaran. Seterusnya mereka berupaya mengenal pasti beberapa bentuk huruf dan bunyi huruf tersebut. Apabila berada pada fasa kedua, kanak-kanak mula berasa seronok apabila dibacakan atau apabila dapat menceritakan kembali cerita pendek atau maklumat daripada bahan bacaan bercetak. Mereka berupaya mengenal pasti hubungan huruf dan bunyi huruf. Mereka juga tahu tentang bunyi permulaan perkataan dan rima dalam perkataan berbeza. Mereka sudah mula memahami peraturan cetakan daripada kiri ke kanan, kanan ke kiri atau dari atas ke bawah. Mereka juga dapat memadankan perkataan yang disebut dengan perkataan yang dibaca.

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa tiada umur tertentu yang ditetapkan untuk kanak-kanak mula belajar membaca. Namun begitu, kanak-kanak perlu didedahkan dengan pengalaman membaca lebih awal kerana keadaan tersebut akan memberi rangsangan pembelajaran kepada mereka seperti yang terkandung dalam Kurikulum PERMATA Negara (Jabatan Perdana Menteri, 2013). Aktiviti pembelajaran membaca boleh disesuaikan mengikut tahap umur dan keupayaan kanak-kanak, bermula dengan hanya memberi pendedahan bahan dan persekitaran membaca sehingga kepada peringkat bacaan awal iaitu di mana pendidik benar-benar mengajar kanak-kanak mula membaca.

METODOLOGI

KitAB Cerdas dibangunkan dengan menggunakan Model ADDIE yang diubahsuai daripada Branch (2009). Terdapat lima fasa yang terlibat dalam pembangunan KitAB Cerdas iaitu fasa analisis, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan dan penilaian. Setiap fasa menunjukkan langkah-langkah pembangunan KitAB Cerdas. Kumpulan sasaran untuk penggunaan KitAB Cerdas adalah pendidik dan kanak-kanak TASKA Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT). Pemerolehan data dan analisis data adalah berdasarkan setiap fasa dalam proses pembangunan KitAB Cerdas.

Fasa Analisis (*Analysis*)

Fasa analisis amat penting sebelum sesuatu proses pembangunan produk dilaksanakan. Fasa ini adalah bagi mengenal pasti sama ada terdapat keperluan untuk pembangunan kit ini iaitu KitAB Cerdas. Pada fasa ini, data diperolehi daripada pendidik dan ibu bapa kanak-kanak TASKA Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT). Data diperolehi menggunakan soal selidik

analisis keperluan. Selain daripada itu, senarai semak tahap literasi kanak-kanak juga digunakan bagi mendapatkan data tentang kesediaan kanak-kanak untuk pembelajaran bacaan awal.

Soal selidik untuk pendidik dan ibu bapa terdiri daripada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A mengandungi enam soalan berkaitan latar belakang. Bahagian B mengandungi 20 soalan yang menyentuh tentang keperluan penghasilan kit, tahap membaca kanak-kanak TASKA dan ciri-ciri media yang sesuai untuk dimasukkan dalam kit bacaan awal. Borang Senarai Semak Tahap Literasi Awal Kanak-kanak dibina untuk memastikan bahawa kanak-kanak sudah mencapai tahap literasi awal yang sesuai dan mempunyai kesediaan membaca sebelum mereka mula diajar kemahiran bacaan awal. Kemahiran literasi awal kanak-kanak yang dimasukkan dalam borang ini adalah berdasarkan 11 komponen literasi awal (Lonigan & Phillips, 2007), senarai semak perlakuan membaca kanak-kanak (Beaty & Pratt, 2014) dan senarai semak bacaan awal oleh Tompkins (2003). Senarai semak mengandungi 30 item yang ditandakan oleh setiap pendidik kanak-kanak yang terlibat.

Fasa Reka Bentuk (*Design*)

Media dalam KitAB Cerdas direka bentuk berdasarkan matlamat pembelajaran dan hasil pembelajaran kanak-kanak yang selari dengan Kurikulum PERMATA Negara (Jabatan Perdana Menteri, 2013). Kriteria bagi setiap media juga dibentuk berdasarkan ciri-ciri media yang menarik seperti yang disarankan oleh Smaldinho, Lowther dan Russell (2009) dan Zainiah (2009). Berdasarkan kriteria tersebut, pengkaji melakukan proses reka bentuk media dengan menggunakan lakaran. Seterusnya lakaran untuk beberapa jenis media seperti buku bacaan dan papan cerita diberikan kepada pelukis profesional dan pengatur cara untuk dibangunkan.

Fasa Pembangunan (*Development*)

Fasa pembangunan KitAB Cerdas melibatkan pelbagai media yang dimuatkan iaitu kad suku kata, dadu, kad imbasan, papan suku kata, lagu, buku bacaan, perisian komputer dan buku panduan pendidik. Ciri-ciri media ditentukan berdasarkan ciri-ciri media yang dihuraikan oleh Smaldinho, Lowther dan Russell (2009). Kesemua huruf yang ditulis di atas kad suku kata dan kad imbasan menggunakan fon komputer tetapi dipastikan menepati bentuk huruf yang betul. Fon yang digunakan untuk kad suku kata dan kad imbasan adalah jenis Atlanta Rounded. Huruf-huruf vokal dan konsonan dilekatkan pada *mounting board* supaya lebih kukuh, tahan dan mudah dikendalikan. Dadu dibangunkan dengan menggunakan bahan kitar semula iaitu kadbod dan kertas majalah. Kain flanel berwarna terang digunakan untuk membalut dadu.

Potongan pita velcro dijahit ke dadu untuk membolehkan kad suku kata dilekatkan ke dadu.

Kad imbasan berwarna putih dengan tulisan hitam. Kad ini lebih besar saiznya daripada kad suku kata untuk digunakan bersama papan suku kata. Kad ini bersaiz lebih besar kerana tujuannya adalah untuk kegunaan aktiviti dalam kumpulan yang lebih besar, antara lima hingga 10 kanak-kanak. Kad imbasan hanya terdiri daripada suku kata dengan susunan KV sahaja, untuk tujuan cantuman suku kata supaya menjadi perkataan bermakna. Papan suku kata digunakan untuk melekatkan kad imbasan. Papan dibuat daripada plastik jenis *perspex* berwarna hitam. Papan mempunyai pemegang dan ringan untuk memudahkan kanak-kanak memegangnya. Dua keping papan disertakan dalam setiap kit supaya boleh digunakan dalam permainan mencantum suku kata. Lagu-lagu dirakam menggunakan teknik *sound mixing* dengan perisian *Adobe Sound Studio* di mana suara dirakam dahulu secara berasingan. Setelah selesai rakaman suara, barulah muzik dimasukkan dan disesuaikan dengan suara yang telah dirakam. Melodi lagu yang digunakan adalah lagu-lagu yang biasa didengar nadanya oleh kanak-kanak seperti "*Are you sleeping*" tetapi liriknya diubahsuai dengan memasukkan lirik berkaitan sebutan untuk suku kata berbeza. Lagu dibina bersama perisian komputer tetapi boleh dimainkan secara berasingan daripada paparan lain sekiranya perlu dimainkan lagu sahaja.

Buku bacaan pula dibangunkan menggunakan konsep yang bermula dengan pengenalan bunyi huruf vokal, pengenalan suku kata dan latih tubi ringkas. Beberapa watak asas diperkenalkan kepada kanak-kanak dan watak-watak ini kekal sepanjang isi cerita dalam buku. Pembinaan isi buku disesuaikan mengikut tiga set buku yang disusun mengikut kaedah ansur maju. Prinsip pengekelan vokal digunakan. Kesemua buku bacaan berjumlah sembilan buah. Gambar-gambar dalam buku dilukis dan disunting menggunakan perisian *Adobe Illustrator*. Kesemua elemen dalam buku seperti tulisan dan gambar-gambar digabungkan dan reka letak (*layout*) disusun menggunakan perisian *Adobe Indesign*. Gambar-gambar dengan watak yang sama dimasukkan ke dalam perisian komputer menggunakan perisian *Adobe Flash CS3* di mana gambar-gambar tersebut boleh dianimasikan secara ringkas menggunakan gif. Jika pendidik perlu menggunakan gambar sahaja, gambar tersebut boleh dicetak keluar secara berwarna. Konsep ini juga digunakan untuk membangunkan buku besar elektronik. Perisian komputer dibina menggunakan perisian *Adobe Flash CS3*. Perisian komputer yang dibangunkan mengandungi paparan untuk sebutan vokal dan suku kata, lagu, buku besar elektronik dan latihan sendiri, yang digabungkan bersama. Gambar-gambar animasi digunakan bagi menarik minat kanak-kanak tanpa mengganggu tujuan asal untuk membolehkan mereka menguasai kemahiran bacaan awal. Perisian dibina mengikut papan reka bentuk papan cerita yang telah disediakan terlebih dahulu. Latihan akses sendiri juga dimasukkan ke dalam perisian komputer. Latihan ini berbentuk permainan berasaskan komputer untuk kanak-kanak.

Akhir sekali Buku Panduan Pendidik juga dibangunkan untuk memudahkan pendidik yang menggunakan KitAB Cerdas merujuk cara penggunaannya. Buku panduan mengandungi dua bahagian. Bahagian pertama memaparkan maklumat ringkas berkaitan KitAB Cerdas dan bahagian kedua terdiri daripada 12 cadangan aktiviti untuk para pendidik membimbing kanak-kanak dalam bacaan awal dengan menggunakan KitAB Cerdas. Walau bagaimanapun pendidik sebenarnya bebas merancang atau menggunakan bentuk permainan lain dengan media yang ada dalam KitAB Cerdas tanpa mengekang kreativiti masing-masing.

Fasa Pelaksanaan (*Implementation*)

Pelaksanaan KitAB Cerdas dalam kajian ini melibatkan ujian rintis. Ujian rintis ini dilaksanakan untuk melihat kebolehlaksanaan KitAB Cerdas. Selain itu, ujian rintis juga bertujuan mendapatkan kebolehpercayaan KitAB Cerdas. Ujian rintis dijalankan di dua buah TASKA YPKT yang tidak terlibat dengan pelaksanaan sebenar dan dua buah TASKA swasta. Penambahbaikan seterusnya dilakukan setelah mendapat keputusan daripada kajian rintis untuk pelaksanaan KitAB Cerdas dalam kajian sebenar.

Fasa Penilaian (*Evaluation*)

Fasa penilaian KitAB Cerdas melibatkan penilaian formatif dalam kitaran proses iaitu terlibat dalam setiap fasa reka bentuk, pembangunan dan pelaksanaan. Pengkaji mendapatkan komen daripada pendidik, profesional dan ibu bapa dalam setiap fasa yang disebutkan. Penilaian formatif juga melibatkan penilaian pakar terhadap isi kandungan KitAB Cerdas dan prinsip kecerdasan pelbagai yang digunakan untuk membangunkan media dalam KitAB Cerdas. Penilaian pakar melibatkan 13 orang pakar iaitu sembilan orang dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak, dua orang dalam bidang bahasa dan dua orang dalam bidang teknologi pendidikan.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian berdasarkan soal selidik kepada pendidik dan ibu bapa ditunjukkan seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1 : Keperluan Terhadap Pembangunan Kit Pembelajaran Bacaan Awal

Kemahiran bacaan awal kanak-kanak	Jawapan "ya"	Jawapan "tidak"
-----------------------------------	-----------------	--------------------

	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%
Tidak tahu membaca langsung	22	38.6	35	61.4
Boleh menyebut sebahagian huruf	35	61.4	22	38.6
Boleh membunyikan sebahagian huruf	18	31.6	39	68.4
Membunyikan satu suku kata terbuka (contoh : 'ba' , 'da' , 'ma')	4	7.0	53	93.0
Membaca perkataan dua suku kata terbuka (contoh : 'baba' , 'baca')	2	3.5	55	96.5
Membaca perkataan tiga suku kata terbuka (contoh : 'tenaga' , 'berapa')	2	3.5	55	96.5
Membaca perkataan satu suku kata tertutup (contoh : 'tak' , 'nak' , 'bas')	1	1.8	56	98.2
Membaca perkataan dua suku kata tertutup (contoh : 'katak' , 'balak')	0	0.0	57	100.
Keperluan untuk pembelajaran bacaan awal	56	98.2	1	1.8
Keperluan untuk membangunkan kit pembelajaran bacaan awal	57	100.0	0	0.0

Berdasarkan Jadual 1, dapat dilihat dengan jelas bahawa kanak-kanak hanya dapat menguasai peringkat huruf pada peringkat literasi awal di mana peringkat paling tinggi adalah membunyikan sebahagian huruf seperti yang dinyatakan oleh 18 responden (31.6%). 35 orang responden (61.4%) menyatakan kanak-kanak tahu menyebut sebahagian huruf. Ini bermaksud kanak-kanak sudah berada pada peringkat literasi awal namun belum dapat membaca suku kata. Majoriti responden iaitu 56 orang (98.2%) berpandangan bahawa terdapat keperluan untuk pembelajaran bacaan awal di peringkat TASKA untuk kanak-kanak 3 tahun ke atas. Keputusan jelas menunjukkan bahawa kesemua 57 orang responden (100.0%) berpandangan bahawa terdapat keperluan untuk membangunkan kit pembelajaran bacaan awal untuk kanak-kanak TASKA.

Tahap literasi awal kanak-kanak ditentukan berdasarkan nilai min dan dikelaskan kepada tiga kategori seperti dalam Jadual 2 bagi memudahkan huraian berkaitan perkara ini. Penentuan tahap literasi awal dikira dengan cara:

$$\frac{\text{skor maksimum} - \text{skor minimum}}{\text{bilangan kategori}}$$

Jadual 2 :Kategori Tahap Literasi Awal Kanak-kanak Berdasarkan Skor Literasi Awal/

Skor	Tahap Literasi Awal
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

Dapatan yang diperoleh daripada senarai semak tahap kemahiran literasi pula ditunjukkan dalam Jadual 3 di bawah.

Jadual 3 : Tahap Literasi Awal Kanak-kanak Sebelum Pembelajaran Bacaan Awal

Komponen Literasi Awal	Jumlah (N)	Min	SP	Tahap Literasi Awal
Motivasi terhadap bahan bercetak	159	3.65	0.42	Sederhana
Konsep cetakan	159	3.71	0.39	Tinggi
Kesedaran fonologi	159	3.07	0.57	Sederhana
Perbendaharaan kata dan kebolehan bercerita	159	3.63	0.27	Sederhana
Pengetahuan abjad	159	1.69	0.70	Rendah
Pengetahuan tentang konsep dan makna	159	3.10	0.45	Sederhana
Tahap literasi awal keseluruhan	159	3.14	0.34	Sederhana

SP = sisihan piawai, N = 159

Merujuk kepada Jadual 3, tahap literasi kanak-kanak sebelum memulakan pembelajaran bacaan awal adalah sederhana. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, tahap literasi awal kanak-kanak ini boleh dijadikan petunjuk kepada kesediaan membaca kanak-kanak. Dapatan menunjukkan bahawa kanak-kanak sudah mempunyai kesediaan untuk membaca. Tahap sederhana tidak membimbangkan kerana pada tahap bacaan awal, kanak-kanak akan didedahkan kepada kesemua elemen tersebut dalam proses membaca dan menjalani aktiviti pembelajaran menggunakan KitAB Cerdas.

Langkah-langkah Pembangunan Kit Pembelajaran Bacaan Awal untuk kanak-kanak TASKA

Berdasarkan dapatan untuk soalan kajian pertama, kit pembelajaran bacaan awal yang dinamakan KitAB Cerdas telah dibangunkan dan dapatan untuk setiap fasa dihuraikan di bawah.

(i) Fasa Analisis Keperluan

Data berkaitan fasa ini telah dihuraikan dalam dapatan di atas.

(ii) Fasa Reka Bentuk

Kriteria reka bentuk media dan juga Buku Panduan Pendidik dalam KitAB Cerdas ditunjukkan seperti dalam Jadual 4.

Jadual **Error! No text of specified style in document.**: Kriteria Reka Bentuk Media Dalam KitAB Cerdas

Media	Kriteria
Kad suku kata	<ul style="list-style-type: none"> • Saiz kad : 9 cm x 9 cm • Jenis fon: Atlanta Rounded • Saiz fon : 190 • Bentuk kad : segi empat dengan bucu melengkung • Warna fon : hitam dan merah secara berasingan • Warna kad : Set 1 – putih dan merah jambu Set 2 – peach Set 3 – hijau muda
Kad imbasan	<ul style="list-style-type: none"> • Saiz kad : 17 cm x 12 cm • Jenis fon: Atlanta Rounded • Saiz fon : 300 • Bentuk kad : segi empat • Warna fon : hitam • Warna kad : putih
Papan suku kata	<ul style="list-style-type: none"> • Saiz papan : 20.5 cm x 15.5 cm • Warna : hitam
Dadu suku kata	<ul style="list-style-type: none"> • Saiz dadu : 13 cm x 13 cm x 13 cm • Warna : warna-warna terang (merah, jingga, hijau terang, ungu terang)
Buku bacaan	<ul style="list-style-type: none"> • Warna fon : hitam • Jenis fon: Atlanta Rounded • Saiz fon : • Warna buku : warna-warna terang • Pembentukan perkataan : V +KV dan KV+KV • Pembentukan ayat : bermula dengan satu perkataan, frasa dan berkembang kepada ayat mudah. Ayat dibentuk hanya daripada gabungan suku kata di atas • Mengandungi gambar berwarna • Mengandungi watak yang tekal, daripada satu watak berkembang kepada watak yang lain tetapi tekal sepanjang penceritaan. • Latar kehidupan di Malaysia • Isi cerita dirangka melibatkan kehidupan yang dekat dengan kanak-kanak
Perisian komputer – sebutan bunyi huruf vokal dan suku kata	<ul style="list-style-type: none"> • Warna fon : hitam • Suara latar : untuk mengajar sebutan bunyi huruf vokal dan suku kata • Muzik : di selang seli pada paparan tertentu • Montaj: disesuaikan dengan lumrah dan minat kanak-kanak • Kandungan perisian : sebutan suku kata untuk tiga set huruf dengan


Media	Kriteria
Perisian komputer – lagu suku kata	<p>contoh objek yang mengandungi suku kata berkenaan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Warna fon : hitam • Jenis fon: Atlanta Rounded • Suara : lagu dengan suara solo dan nyanyian ramai • Muzik : menggunakan nada lagu yang biasa didengar kanak-kanak • Isi kandungan lagu : selari dengan pembelajaran suku kata dan cantuman suku kata untuk membentuk perkataan • Montaj: disesuaikan dengan lumrah dan minat kanak-kanak
Perisian komputer – buku besar elektronik	<ul style="list-style-type: none"> • Warna fon : hitam • Jenis fon: Atlanta Rounded • Warna buku : warna-warna terang • Pembentukan perkataan : V +KV dan KV+KV • Pembentukan ayat : Ayat dibentuk hanya daripada gabungan suku kata di atas. • Mengandungi gambar berwarna • Mengandungi watak yang sama seperti buku bacaan • Latar kehidupan di Malaysia • Isi cerita dirangka melibatkan kehidupan yang dekat dengan kanak-kanak
Perisian komputer – latihan sendiri	<ul style="list-style-type: none"> • Warna fon : hitam • Jenis fon: Atlanta Rounded • Pembentukan perkataan dalam latihan : V +KV dan KV+KV • Gambar disertakan untuk membantu kanak-kanak • Cara melengkapkan latihan menggunakan teknik <i>drag and drop</i> dan menaip di papan kekunci atau di atas papan pintar
Buku panduan guru	<ul style="list-style-type: none"> • Warna fon : hitam • Jenis fon: Atlanta Rounded • Saiz fon : 12 • Disertakan aktiviti dengan langkah demi langkah

Fasa Pembangunan

Pembangunan KitAB Cerdas berdasarkan reka bentuk yang telah ditunjukkan di atas. Dapatan fasa pembangunan ini merupakan hasil kepada kesemua media dalam KitAB Cerdas yang telah dibangunkan.

(a) Kad suku kata dan dadu suku kata

Hasil pembangunan sebahagian kad suku kata ditunjukkan dalam Rajah 3 di bawah sebagai contoh.



Rajah 3. Hasil pembangunan kad suku kata

Merujuk kepada Rajah 3(a), kad suku kata dengan latar putih diletakkan pita velcro untuk dilekatkan kepada dadu suku kata seperti ditunjukkan dalam Rajah 3(b). Rajah 3(c) adalah kad suku kata Set 1 yang menggunakan latar putih dan merah jambu sementara Rajah 3(d) menunjukkan kad suku kata Set 2 (latar pic) dan Set 3 (latar hijau).

(b) Kad imbasan dan papan suku kata

Hasil pembangunan kad imbasan ditunjukkan dalam Rajah 4(a). Kad imbasan akan digunakan bersama papan suku kata seperti ditunjukkan dalam Rajah 4(b).



Rajah 4. Hasil pembangunan kad imbasan dan papan suku

(c) Perisian komputer

Contoh hasil pembangunan perisian komputer ditunjukkan dalam Rajah 5(a). Lagu, bunyi huruf vokal, bunyi suku kata, buku besar elektronik dan latihan akses sendiri dimasukkan dalam perisian komputer. Kesemua perisian komputer tersebut dimuatkan dalam satu cakera padat seperti ditunjukkan dalam Rajah5(b) untuk memudahkan simpanan dan penggunaan oleh pendidik.



Rajah 5. Hasil pembangunan perisian komputer.

(d) Buku bacaan


Contoh hasil pembangunan buku bacaan ditunjukkan dalam Rajah 6. Sembilan buah buku bacaan dihasilkan daripada 3 set suku kata yang dibentuk.



Rajah 6. Hasil pembangunan buku bacaan

(e) Buku panduan pendidik

Rajah 7 menunjukkan hasil pembangunan buku panduan pendidik. Panduan ini memuatkan 12 saranan aktiviti menggunakan KitAB Cerdas. Walau bagaimanapun, tiada kekangan terhadap kreativiti pendidik jika mahu mengendalikan KitAB Cerdas dengan aktiviti dan cara yang berbeza.



Rajah 7. Hasil pembangunan buku panduan pendidik

(iv) Fasa Pelaksanaan

Dapatan untuk fasa ini ditunjukkan dalam Rajah 8. Pengkaji tidak terlibat dalam pengajaran bacaan awal kepada kanak-kanak untuk memastikan keadaan kelas secara fizikal dan psikologi tidak mengganggu pembelajaran kanak-kanak. Namun demikian pengkaji hadir sebagai pemerhati dan merakamkan aktiviti pembelajaran kanak-kanak. Kanak-kanak kelihatan berminat dan terlibat secara langsung. KitAB Cerdas merangsang keseluruhan kecerdasan kanak-kanak seperti dalam Teori Kecerdasan Pelbagai (Gardner, 1983).

(v) Fasa Penilaian

Kesemua pakar mengesahkan bahawa kanak-kanak berumur 3+ sesuai memulakan pembelajaran bacaan awal. Kesemua pakar juga bersetuju bahawa

kandungan KitAB Cerdas sesuai dengan aras kemahiran kanak-kanak berumur 3+ dan memenuhi lumrah kanak-kanak yang suka bermain, bergerak, bersosial dan mencuba. Seterusnya kesemua pakar bersetuju bahawa KitAB Cerdas sesuai untuk membantu pembelajaran bacaan awal dari aspek penambahan kosa kata, sebutan bunyi huruf vokal, suku kata, membaca perkataan dan membaca ayat mudah. Jadual 6 pula menunjukkan dapatan berkaitan pandangan pakar terhadap kesesuaian KitAB Cerdas bagi merangsang elemen kecerdasan pelbagai dalam diri kanak-kanak.

Jadual 5: Kesesuaian KitAB Cerdas Bagi Merangsang Kecerdasan Pelbagai Kanak-kanak

Bil.	Elemen Kecerdasan Pelbagai (Gardner, 1983)	Bilangan persetujuan pakar	
		Frekuensi (<i>f</i>)	Peratus (%)
1	KitAB Cerdas sesuai untuk merangsang kecerdasan linguistik	13	100.0
2	KitAB Cerdas sesuai untuk merangsang kecerdasan kinestetik	13	100.0
3	KitAB Cerdas sesuai untuk merangsang kecerdasan muzik	13	100.0
4	KitAB Cerdas sesuai untuk merangsang kecerdasan interpersonal	13	100.0
5	KitAB Cerdas sesuai untuk merangsang kecerdasan intrapersonal	8	61.54
6	KitAB Cerdas sesuai untuk merangsang kecerdasan visual-spatial	13	100.0
7	KitAB Cerdas sesuai untuk merangsang kecerdasan logik-matematik	11	84.62
8	KitAB Cerdas sesuai untuk merangsang kecerdasan naturalistik	7	53.85

Dapatan yang ditunjukkan dalam Jadual 5 menunjukkan bahawa KitAB Cerdas dilihat dapat merangsang sebahagian besar elemen kecerdasan pelbagai. KitAB Cerdas dilihat kurang sesuai untuk merangsang kecerdasan intrapersonal dan kecerdasan naturalistik. Namun demikian lebih daripada separuh bilangan pakar masih bersetuju bahawa KitAB Cerdas dapat merangsang kecerdasan intrapersonal (61.54%) dan kecerdasan naturalistik (53.85%).

PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk pembangunan KitAB Cerdas bagi membantu kanak-kanak TASKA memperoleh kemahiran bacaan awal. KitAB Cerdas telah berjaya dibangunkan secara sistematik dan melalui proses yang saintifik. Ini dapat dilihat dengan jelas di mana pembangunan KitAB Cerdas telah dilaksanakan menggunakan langkah-

langkah dalam Model ADDIE dengan integrasi Teori Kecerdasan Pelbagai (Gardner, 1983). Dapatan kajian melalui penilaian pakar telah menunjukkan bahawa pembangunan KitAB Cerdas bukan hanya dapat merangsang kecerdasan linguistik, malahan mampu merangsang juga hampir kesemua kecerdasan lain. Integrasi Teori Kecerdasan Pelbagai (Gardner, 1983) dalam pembangunan KitAB Cerdas telah menjadikan KitAB Cerdas berperanan sebagai bahan bantu pembelajaran yang bersesuaian untuk melonjakkan perkembangan kanak-kanak secara holistik seperti yang dituntut oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001) dan Kurikulum PERMATA Negara (Jabatan Perdana Menteri, 2013).

Teori Kecerdasan Pelbagai yang diintegrasikan dalam pembangunan KitAB Cerdas juga diteruskan dalam pelaksanaan KitAB Cerdas semasa kanak-kanak mengikuti pembelajaran bacaan awal. Pengkaji yakin bahawa penggunaan teori ini dalam pembangunan KitAB Cerdas juga mampu membantu mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran pendidik TASKA dalam penggunaan bahan pembelajaran yang berkualiti untuk bacaan awal kanak-kanak.

Selain daripada itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa KitAB Cerdas yang telah dibangunkan bersesuaian dengan kurikulum kebangsaan bagi pendidikan awal kanak-kanak untuk umur tiga hingga empat tahun, iaitu Kurikulum PERMATA Negara (Jabatan Perdana Menteri, 2013). Persetujuan kesemua pakar tentang kesesuaian KitAB Cerdas dengan aras kemahiran kanak-kanak berumur 3+ dan sesuai juga dengan lumrah kanak-kanak menunjukkan bahawa pembangunan KitAB Cerdas telah membantu memenuhi keperluan kanak-kanak dalam pembelajaran bacaan awal. Kesesuaian ini memudahkan pendidik dalam melaksanakan amalan bersesuaian perkembangan (ABP) seperti dalam pernyataan standard oleh National Association for the Education of Young Children, NAEYC (1996).

Pembangunan KitAB Cerdas yang memuatkan pelbagai media pembelajaran boleh membantu kanak-kanak memperoleh kemahiran membaca lebih awal. Hal ini amat penting agar masalah penguasaan kemahiran membaca tidak lagi berlaku apabila kanak-kanak memasuki sekolah rendah seperti yang dilaporkan sebelum ini (Abdul Rasid, 2011; Kamisah, 2011; Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012; Nur Shakirah & Muhammad Saiful Haq, 2017; Tamam, Zamri & Afendi, 2011; Yueh Wei, Lambri & Kiting, 2020)

RUMUSAN

Usaha membanteras kekurangan murid dari aspek kemahiran membaca bukan satu perkara yang mudah. Tanpa bahan bantu yang baik dan bimbingan guru yang berkesan, kita akan melihat kelemahan membaca terus berlanjutan dalam kalangan murid hingga ke sekolah menengah. Pembangunan KitAB Cerdas

merupakan salah satu alternatif kepada para pendidik awal kanak-kanak untuk membimbing kemahiran bacaan awal menggunakan bahan bantu yang dibangunkan dengan cara yang saintifik. Apabila usaha ini digerakkan bermula di TASKA dalam suasana yang menyeronokkan, kanak-kanak tidak akan berasa tertekan dan tidak sedar bahawa mereka sebenarnya menjalani latihan dan latih tubi membaca. Usaha ini diharapkan mampu membantu kanak-kanak seawal usia mereka untuk memperoleh kemahiran membaca, seterusnya mengurangkan kadar keciciran di sekolah rendah dan menengah. Apabila masalah membaca dapat diatasi, maka murid dapat digerakkan untuk menggarap pengetahuan dan kemahiran lain yang lebih mencabar, bagi merealisasikan aspirasi kerajaan dalam melonjakkan kemenjadian murid seperti yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Secara keseluruhan, pembangunan KitAB Cerdas dilihat telah menyumbang kepada bidang pendidikan awal kanak-kanak dari aspek pemerolehan kemahiran bacaan awal dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian. (2011). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (1), 1-12.
- Adenan Ayob. (2017). Kesan pembelajaran menerusi penggunaan bahan bacaan interaktif berasaskan laman web terhadap kefahaman membaca kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak*, 6, 1-17.
- Al-Quran. Surah al-Alaq. Ayat 1-5.
- Beaty, J. J., & Pratt, L. (2014). *Early literacy in preschool and kindergarten. A multicultural perspective* (4th ed.). Ohio: Merrill Prentice Hall.
- Branch, R. M. (2009). *Instructional design: The ADDIE approach*. New York: Springer Science + Business Media.
- Gardner, H. (1983). *Frames of mind: The Theory of Multiple Intelligences*. New York: Basic Books.
- Gardner, H. (2006). *Multiple intelligences. New horizons*. New York: Basic Books.
- Hasnah Awang & Habibah Mohd. Samin. (2010). *Literasi Bahasa Melayu*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Hornery, S., Seaton, M., Tracey, D., Craven, R. G., & Yeung, A. S. (2014). Enhancing reading skills and reading self-concept of children with

reading difficulties: Adopting a dual approach intervention. *Australian Journal of Educational and Developmental Psychology*, 14, 131–143

Jabatan Perdana Menteri. (2013). *Kurikulum PERMATA Negara. Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak 0 – 4 Tahun*. Cyberjaya: Jabatan Perdana Menteri.

Kamisah Buang. (2011). *Pembangunan dan pengujian modul intervensi membaca Bahasa Melayu prasekolah berbantuan multimedia* (Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001). *Aplikasi teori kecerdasan pelbagai dalam pengajaran dan pembelajaran*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Program LINUS. Ringkasan data murid untuk Kohort 2 Tahun Kutipan 2011 Literasi*. Dimuat turun daripada portal <http://nkra.moe.gov.my/>

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan. Pendidikan Prasekolah. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Semakan 2017*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Lonigan, C. J. & Phillips, B. M. (2007). Research-based instructional strategies for promoting children's early literacy skills. *The Encyclopedia of Language and Literacy Development*. University of Western Ontario. Dimuat turun daripada laman web <http://literacyencyclopedia.ca/index.php?fa=items.show&topicId=224>

Mahzan Arshad. (2012). *Pendidikan literasi awal kanak-kanak: Teori dan amali*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Molenda, M. (2003). The ADDIE Model. In Kovalchick, A., & Dawson, K. (Eds.), *Educational technology: An encyclopedia*. Dimuat turun daripada http://www.indiana.edu/~molpage/The%20ADDIE%20Model_Encyclo.pdf

National Association for the Education of Young Children. (1998). *Learning to read and write: Developmentally appropriate practices for young children. A joint statement of The International Reading Association and The National Association for the Education of Young children*. Dimuat turun daripada laman web NAEYC <http://www.naeyc.org/positionstatements/>

- National Association for the Education of Young Children. (2009). *Developmentally Appropriate Practice in early childhood programs serving children from birth through age 8*. Dimuat turun daripada laman web NAEYC <http://www.naeyc.org/positionstatements/dap>
- Nining Hadini. (2017). Meningkatkan kemampuan membaca anak usia dini melalui kegiatan permainan kartu kata DI Tk Al-Fauzan Desa Ciharashas Kecamatan Cilaku Kabupaten Cianjur. *Jurnal Empowerment*, 6 (1), 19-24.
- Nur Shakirah Azizan, & Muhammad Saiful Haq Hussin. (2017). Penguasaan asas membaca Bahasa Melayu melalui program LINUS di utara Semenanjung Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu*, 28, 135-163.
- Simmons, S. E. (2011). *The origin and descriptions of ADDIE*. Dimuat turun daripada laman web Tuft University, <http://www.tufts.edu/>
- Rashidah Elias (2017). *Keberkesanan KitAB Cerdas ke atas kemahiran bacaan awal kanak-kanak TASKA* (Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan). Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim.
- Salas, A. (2020). *ADDIE, the ID model that never was*. Dimuat turun daripada <https://www.linkedin.com/pulse/addie-id-model-never-alexander-salas>
- Smaldinho, E., Lowther, L., & Russell, D. (2007). *Instructional technology and media for learning*. San Francisco: Pearson Education.
- Tamam Timbang, Zamri Mahamod, & Afendi Hamat. (2011). Faktor dan kesan masalah membaca dalam kalangan murid sekolah rendah kerajaan di Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1),89-107
- Taoufik Boulhrir. (2017). Twenty-first century instructional classroom practices and reading motivation: Probing the effectiveness of interventional reading programs. *International Journal of Education & Literacy Studies*, 5(3), 57-66.
- Tompkins, G. E. (2003). *Literacy for the 21st. century. Teaching reading and writing in pre-kindergarten through grade 4*. New Jersey: Pearson Education Inc.
- Wang, P. (2011). *The production of reusable learning objects in Chinese culinary arts online instruction using the ADDIE instructional design model* (Doctoral dissertation). Dimuat turun daripada ProQuest LLC. UMI: 3464521

- Wan Nurzuliana Wan Ahmad. (2019). Amalan guru dalam melaksanakan kemahiran literasi Bahasa Melayu bagi Program LINUS di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9 (1), 1-11.
- Yueh Wei, S. L., Lambri, A., & Kiting, R. (2020). Penguasaan kemahiran membaca Bahasa Melayu murid bukan penutur jati di Bintulu, Sarawak. *EDUCATUM, Journal of Social Sciences*, 6(1), 33-42. Dimuat turun daripada <https://ejournal.upsi.my/index.php/EJOSS/article/view/3499>
- Zainiah Mohamed Isa (2009). Pemilihan buku bacaan Bahasa Melayu yang sesuai untuk kanak-kanak di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bitara*, 2, 45-57.